

# Tan Sri Faizah Sebati Dengan Kerja Amal

TEKS: RUZIAN MOHD JAN  
FOTO: MOHD HAFIZ ADNAN & IKHSAN YAYASAN SEJAHTERA



Banyak yang beranggapan waktu selepas bersara adalah masa untuk berehat dan bersantai. Namun tidak bagi Tan Sri Faizah Mohd Tahir. Bukan sahaja dirinya masih terus diburu kesibukan, malahan jadual hariannya juga sentiasa penuh dengan pelbagai aktiviti sukarela.

Dalam pertemuan di kediamannya, Pengerusi Yayasan Sejahtera ini mengakui bahawa aktiviti-aktiviti tersebut memang amat menyita masanya. "Tapi saya tak kisah sebab saya amat menyukainya," katanya ramah.

Faizah memberitahu sejak lama dia begitu mementingkan kerja-kerja kemasyarakatan. Dan minat tersebut semakin bercambah sewaktu dia menjadi Ketua Setiausaha di Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat. Bagaimanapun tuntutan kerja mengekang hasratnya untuk aktif dan hanya setelah tidak lagi bergelar pegawai kerajaan barulah impian tersebut dapat direalisasikan.

"Saya berminat untuk aktif dengan badan-badan bukan kerajaan dan amal ini kerana merasakan inilah antara cara terbaik untuk menyumbang kepada masyarakat. Dengan ilmu dan pengalaman yang ada saya berharap dapat memberikan yang termampu dalam membina masyarakat sejahtera."

Dia yang terlibat secara aktif dengan beberapa badan amal/kebajikan jelas teruja bercerita tentang badan-badan tersebut. Terutama tentang Yayasan Sejahtera (YS) yang mana dia menjadi Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah semenjak Januari, 2013 lalu.

"Saya rasa masih ramai yang tidak tahu tentang Yayasan Sejahtera walaupun ia telah ditubuhkan sejak 2009. Dan menjadi hasrat kami untuk menguar uarkan tentang Yayasan agar kami boleh sampai kepada hadirin yang lebih luas," katanya bersungguh-sungguh.

## Banteras Kemiskinan

Faizah menerangkan bahawa YS adalah satu landasan bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan Syarikat Pelaburan



Berkaitan Kerajaan untuk bekerjasama bagi tujuan menangani masalah kemiskinan secara mampan.

"Dalam hal ini Yayasan membantu kerajaan mengurangkan kemiskinan, terutama kemiskinan tegar, di kalangan rakyat dengan mempertingkatkan taraf hidup dan memperbaiki infrastruktur asas luar bandar," jelasnya.

Tambahnya lagi, biarpun program yang dijalankan mencakupi penduduk Bandar dan luar Bandar, namun buat masa ini tumpuan diberikan lebih kepada penduduk luar bandar.

"Buat masa ini sasaran adalah pada lima negeri iaitu Kelantan, Kedah, Pahang, Sabah dan Sarawak. Negeri ini dipilih kerana mempunyai

kadar kemiskinan tegar yang tinggi berdasarkan data yang dikeluarkan daripada e-kasih."

### Pelbagai Projek

Dalam usaha untuk mencapai sasaran untuk membasmi kemiskinan Faizah memberitahu bahawa banyak projek telah dijalankan oleh Yayasan dengan kerjasama masyarakat tempatan yang terlibat.

"Misalnya kami ada beberapa projek khusus untuk menambah pendapatan isi rumah yang mampan dalam membantu mereka keluar daripada kepompong kemiskinan. Antaranya ialah dengan memberikan geran kecil misalnya bantuan mesin jahit, peti sejuk beku,

mesin pengadun ataupun peralatan kerusi meja untuk gerai.

Selain itu YS turut memberi latihan kemahiran seperti projek penanaman cili fertigasi di Sabah yang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pertanian. Juga projek kelas tuisyen dengan kerjasama pelajar Unimas.

"Selain projek untuk menambah pendapatan isi rumah, kami juga ada projek untuk membaiki taraf hidup misalnya projek sistem pengaliran yang lebih baik dan bersih. Projek ini banyak dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana bekalan air terawat seperti yang kita nikmati masih belum sampai lagi," Faizah memberitahu dengan nada bersungguh-sungguh.